



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN
MOHD NOOR S.M.S A.M.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 2/2020**

**28 FEBRUARI 2020, JUMAAT
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berbahagia Dato' Juhari Bin Ahmad

Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja
Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**

Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah
Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil.2/2020** bagi **bulan Februari** pada pagi yang berbahagia ini.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

1. Untuk makluman, sehingga 31 Januari 2020, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2020 sebanyak RM 12.55 juta (23.68%) daripada RM 53 juta.
2. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 987 ribu (14.23%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 6.94 juta.

3. Sepanjang bulan Januari 2020, majlis telah meneruskan tindakan rampasan bagi yang gagal menjelaskan bayaran cukai taksiran setelah tempoh waran tamat. Sebanyak 534 akaun telah dikenakan tindakan sitaan sehingga 31 Januari 2020.

4. Untuk makluman, kaunter bayaran di ibu pejabat dan cawangan Rawang akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sepanjang bulan Februari 2020. Tempoh bayaran cukai taksiran bagi penggal 1/2020 akan berakhir pada 29 Februari 2020 dan caj lewat RM20.00 akan dikenakan bermula 1 Mac 2020.

YAD, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

BENGKEL PENINGKATAN HASIL

5. Pada 3 hingga 5 Februari yang lalu, MPS telah mengadakan Bengkel Peningkatan Hasil MPS yang melibatkan Ahli Majlis dan semua pengarah jabatan.

6. Bengkel ini bertujuan untuk melihat semula prestasi kutipan hasil bagi tahun 2019 dan mengumpulkan input serta cadangan bagi meningkatkan hasil untuk tahun 2020. Alhamdulillah melalui hasil perbincangan di bengkel ini, penambahan hasil yang telah disasarkan adalah berjumlah RM 21.1juta menjadikan anggaran pendapatan tekini bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM 213 juta. Saya harap semua pengarah

dapat memainkan peranan agar sasaran dapat dicapai.

BENGGEL PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN RENDAH KARBON DAN PERUBAHAN IKLIM (LCCF) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

7. Selain itu juga, saya ingin berkongsi kepada semua mengenai Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Rendah Karbon dan Perubahan Iklim (LCCF) yang telah diadakan pada 19 hingga 21 Februari yang lalu di Dash Box Hotel, Cyberjaya.

8. Bengkel yang melibatkan para pengarah dan kakitangan MPS ini adalah bertujuan untuk memberi latihan dan kefahaman kepada pegawai dan kakitangan untuk mendapatkan idea-idea dan juga

cadangan bagi pelaksanaan program dan juga projek yang menjamin penurunan karbon di MPS.

9. Untuk makluman, bengkel ini juga turut membentangkan mengenai pelan LCCF yang akan dibangunkan oleh MPS dan penyediaan Inventori Greenhouse Gases (GHG) sebagai kayu pengukur kepada pelepasan karbon di MPS.

**ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN
PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC)
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

10. Seperti yang sedia maklum, pada 26 Februari 2020 yang lalu, MPS telah pun menerima kunjungan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) bagi Lawatan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) tahun 2020.

11. Seramai 11 orang panel penilai telah membuat penilaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan dan Alhamdulillah MPS telah pun menerima maklum balas yang positif.

12. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dan teguran yang perlu kita ambil kira bagi memantapkan lagi pegurusan pentadbiran MPS. Saya berharap keputusan yang kita terima pada bulan Ogos ini, Inshaallah memberikan khabar berita yang baik untuk MPS bagi mengekalkan kecemerlangan yang diperolehi pada tahun 2018 mahupun mendapat pencapaian yang lebih cemerlang.

PERUNTUKAN TAHUNAN AHLI MAJLIS

13. Dalam percaturan landskap politik negara yang sukar diramal ini, saya ingin mencadangkan peruntukan tahunan sebanyak RM 70 ribu kepada Ahli Majlis perlu disalurkan dengan dibahagikan kepada 3 tahap.

a) bagi bulan Januari hingga April, sebanyak RM 23,000 peruntukan boleh digunakan.

b) seterusnya, RM 23,000 bagi bulan Mei hingga Ogos

c) dan baki selebihnya sebanyak RM 23,000 adalah bagi bulan September hingga Disember

14. Cadangan keputusan ini dibuat bagi mengelakkan kes yang pernah berlaku sebelum ini di mana, terdapat Ahli Majlis yang meletak jawatan/ tidak menjadi Ahli Majlis telah membelanjakan hampir

keseluruhan peruntukan yang diberikan oleh MPS. Kesan daripada itu, Ahli Majlis baharu yang dilantik pada tahun/ sesi yang sama tidak boleh menggunakan peruntukan kerana telah habis digunakan oleh Ahli Majlis sebelumnya.

15. Namun begitu, tuan-tuan dan puan-puan usah khuatir kerana sekiranya situasi politik sudah berada dilandasannya, Ahli Majlis sedia ada ini akan terus mendapat manfaat sebagai Ahli Majlis dan MPS akan melepaskan peruntukan seperti sedia kala.

TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM

16. Di kesempatan ini juga, ingin saya berkongsi mengenai tanggungjawab penjawat awam melalui surat arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 25 Februari yang lalu.

Seperti mana yang kita sedia maklum, pada 24 Februari 2020, YAB Perdana Menteri telah meletakkan jawatan seterusnya dilantik menjadi sebagai Perdana Menteri Interim, sementara menunggu pelantikan Perdana Menteri baharu.

17. Pada masa yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berkenan untuk membatalkan pelantikan Menteri-Menteri selaras dengan peletakan jawatan oleh Perdana Menteri. Sehubungan itu, tugas-tugas anggota pentadbiran (Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik) adalah terhenti pada tarikh yang sama.

18. Oleh itu, saya ingin menyampaikan amanat Ketua Pengarah kepada semua penjawat awam untuk

mengekalkan pendirian apolitical dan berkecuali seterusnya meneruskan tugas-tugas mengikut undang-undang dan dasar Kerajaan yang berkuatkuasa.

19. Ingin saya tegaskan di sini bahawa, semua penjawat awam juga adalah dilarang sama sekali daripada menghadiri atau terlibat dalam apa-apa perhimpunan berkaitan politik, membuat apa-apa pernyataan awam, mengedarkan atau menularkan berita palsu di media sosial atau apa-apa medium komunikasi yang lain atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan dasar Kerajaan.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN MPS

20. Ingin saya menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan, mengenai tindakan penguatkuasaan yang telah diadakan oleh MPS sejak akhir-akhir ini. Tindakan anggota penguatkuasa MPS terhadap pelanggaran peraturan oleh orang awam , syarikat atau warga asing amatlah disokong oleh MPS dan mendapat respond yang baik daripada orang awam seperti dalam operasi membanteras aktiviti sampah haram, perniagaan tanpa lesen dan lain-lain.

21. Banyak kompaun, denda dan surat amaran dikeluarkan oleh MPS kepada pihak-pihak berkenaan. Dan MPS juga telah mengeluarkan tindakan penguatkuasaan ini melalui hebahan di media sosial sebagai peringatan kepada semua

pihak. Ekoran daripada itu, banyak reaksi dan komen yang positif telah kita terima daripada netizen tentang ketegasan MPS dalam menangani isu-isu ini.

22. Walaubagaimanapun, amatlah dikesali terdapat segelintir daripada Ahli Majlis yang didapati cuba mencampuri tugas anggota penguatkuasa ketika tindakan dikenakan seperti meminta operasi ditangguhkan, meminta kompaun dan denda tidak dikenakan atas alasan yang tidak munasabah ataupun pihak yang mempunyai tindakan tersebut mempunyai kepentingan peribadi dengan Ahli Majlis berkenaan.

23. Oleh itu, saya meminta kerjasama daripada semua Ahli Majlis untuk menyokong apa jua tindakan penguatkuasaan yang dibuat oleh MPS selagi tindakan tersebut masih mengikut peraturan yang ditetapkan.

Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.